

## IBU ADAT MUAFAKAT


— SIRI SEPULUH

DI sini tidak timbul soal orang lelaki tidak berhak di atas tanah pusakanya. Seperti yang saya sebutkan di atas tadi, orang lelaki juga berusaha di atas tanah isterinya, maka dari pendapatan yang ada mencukupi baginya untuk makan minum dan menyara keluarganya.

Begitulah yang sebenarnya berlaku dalam adat Perpatih ini yang dapat dikategorikan dalam lingkungan 'adat yang diadatkan' atau 'adat yang teradat' itu.

Tetapi disebabkan kedatangan penjajah Inggeris yang telah mengenalkan undang-undang yang termasuk undang-undang pemilikan tanah-tanah, maka sistem pemilikan tanah pusaka telah turut menerima perubahan dan telah mengubah sama sekali hak milik dan warisan pusaka menurut sistem adat Perpatih itu.

Menurut undang-undang Inggeris ini, semua tanah hendaklah ditanam batu sempadan bagi menentukan hak milik seseorang, dikeluarkan geran dan dicatatkan nama pemilikinya dalam geran



OLEH A. SAMAD IDRIS

tersebut.

Oleh kerana yang mendiami tanah pusaka ini orang perempuan, maka dicatatkannya nama perempuan dalam geran tersebut. Begitu pun saudara lelakinya ada dicatatkan namanya di belakang geran

tersebut.

Pada awalnya tidak pernah berlaku sebarang kekecohan dan pertikaian di antara waris-waris yang berhak, tetapi bila manusia sudah berkembang, tanah pusakanya seluasnya itu juga, maka sebagai insan biasa maka perasaan tamak haloba telah timbul.

Walau pun bilangan yang demikian tidak ramai tetapi sudah mencukupi untuk orang-orang yang tidak suka dengan adat Perpatih ini menjadikan modal untuk bertengkar.

Lebih-lebih lagi ada di antaranya yang mempersoalkan dari sudut agama yang digambarkan bahawa dalam pembahagian pusaka menurut adat Perpatih ini bertentangan dengan hukum syarak dan firaid, kerana orang-orang lelaki tidak diberi hak dan milik di atas tanah keupayaan ibu bapanya.

Kalau dipandang sepintas lalu agak nyata dan jelas tentang pembahagian hak tanah pusaka ini tidak menurut hukum firaid

kerana orang lelaki tidak ada nama (cuma di belakang geran saja) dalam geran tanah yang berkenaan.

Meskipun tanah pusaka yang ada tidak seberapa luas dengan penduduk yang telah ramai kalau dibahagi - bahagikan hak tiap-tiap seorang yang boleh mewarisinya mungkin tiap-tiap seorang mendapat beberapa depa saja, kerana itu soal milik tanah pusaka ini tidak lagi menjadi perkara yang boleh membawa pertikaian lagi.

Begitu pun ia masih juga ada yang mempersoalkan perkara ini. Saya fikir ada eloknya kalau pemegang - pemegang adat, iaitu Datuk-Datuk Lembaga, Penghulu, Besar Waris, alim ulama dan lain-lain yang bersangkutan mencari jalan keluar dan menjernihkan yang keruh, mengusaikan yang kusut, kerana adat itu sendiri telah mengungkapkannya:

Adat atas tumbuhnya  
Pakat atas buatnya  
Ibu adat itu muafakat